

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(III)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

14. Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town telah diwartakan.
- (a) Adakah rancangan ini telah meningkatkan fungsi bandaraya terutamanya dalam sektor ekonomi?
  - (b) Apakah kesan rancangan ini kepada pemunya bangunan dan pengusaha-pengusaha sedia ada serta pengusaha-pengusaha baru?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Pewartaan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town (RKK TWDGT) bukan sahaja telah meningkatkan fungsi bandaraya dalam sektor ekonomi, malah telah memudahkan pengurusan TWDGT dalam aspek pemuliharaan, pemeliharaan, pemulihan, restorasi dan pembinaan semula. Ini termasuk kegunaan, pembangunan semua bangunan dan tanah serta strategi yang akan meningkatkan kemampunan dan integrasi alam sekitar fizikal antara sosiobudaya dan ekonomi.

Kajian Perubahan Guna Tanah dan Penduduk yang dijalankan oleh Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama *George Town World Heritage Incorporated* dan PLANMalaysia@Pulau Pinang pada tahun 2009 hingga 2013

mendapati terdapat peralihan dalam struktur ekonomi tempatan terutamanya dalam perkhidmatan pelancongan, perhotelan dan industri kreatif. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan bilangan hotel sebanyak 41 buah, perniagaan kesenian, budaya dan kraf sebanyak 26 buah, perkhidmatan perjalanan dan pelancongan sebanyak 21 buah dan perniagaan fesyen, pakaian dan tekstil sebanyak 19 buah. Selain itu, pekerja professional dan tenaga mahir juga meningkat sebanyak 659 orang daripada 2,435 orang kepada 3,094 orang.

Dalam masa yang sama, terdapat juga pelaburan fizikal yang penting di seluruh TWDGT yang melibatkan 21 bangunan yang telah diubahsuai dalam tempoh kajian mengikut Garis Panduan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town. Pelaburan ini telah menarik 660 perniagaan baharu yang sebahagian besarnya menyatakan lokasi di TWDGT adalah strategik. Bangunan kosong telah menurun sebanyak 110 buah daripada 864 buah.

- (b) Bagi pemilik bangunan, pemilik tanah, penyewa dan pengusaha sedia ada RKK TWDGT menjadi panduan dan rujukan untuk mengurus dan menjaga bangunan atau tanah pada masa kini dan untuk generasi akan datang. RKK TWDGT ini juga membantu pengusaha baharu untuk merancang aktiviti perniagaan dan kerja binaan yang akan dijalankan. Selain itu, penambahbaikan kepada reruang awam (*public spaces*) turut menyumbang kepada aspek keselamatan dan kehidupan sihat masyarakat di sekitarnya.